Keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Parameter Syariah bagi Pemindahan Dana untuk Tujuan Pendanaan dan Pengurusan Risiko Mudah Tunai daripada Institusi Kewangan Islam kepada Institusi Kewangan Konvensional

Mesyuarat MPS ke-217 bertarikh 30 September 2021, mesyuarat MPS ke-220 bertarikh 24 Januari 2022 dan mesyuarat MPS ke-236 bertarikh 30 Januari 2024[1]

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Penggunaan

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam (IKI) perlu mematuhi semua parameter yang berikut untuk menentukan keharusan pemindahan dana bagi tujuan pendanaan dan pengurusan risiko mudah tunai, daripada IKI kepada institusi kewangan konvensional (IKK):

1. Secara prinsipnya, sebarang bentuk pemindahan dana daripada IKI kepada IKK adalah tidak dibenarkan kerana institusi tersebut tidak menjalankan perniagaan kewangan mengikut Syariah melainkan jika terdapat kepastian (*al-yaqin*) atau kebarangkalian tinggi (*ghalib al-zann*) bahawa dana tersebut tidak akan digunakan untuk aktiviti yang tidak patuh Syariah.

2. Walau apa pun ketetapan perenggan 1 di atas, pemindahan dana daripada IKI kepada IKK sama ada dalam kumpulan yang sama atau sebaliknya yang bertujuan untuk menangani situasi kesukaran adalah dibenarkan tertakluk kepada pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan dalam Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah* (DD HD)[2]. Hal ini termasuk tetapi tidak terhad kepada takrifan kesukaran, prasyarat penggunaan *hajah* dan *darurah*, skop penggunaan yang dilarang serta parameter *hajah* jenis 1, *hajah* jenis 2 dan *darurah.*

3. Berkaitan dengan perenggan 2 di atas, MPS telah memutuskan bahawa transaksi berikut yang melibatkan pemindahan dana daripada IKI kepada IKK adalah dibenarkan, kerana termasuk dalam jenis *hajah* yang berikut:
   (i) Penggunaan akaun nostro konvensional: *hajah* jenis 1; dan
   (ii) Pemindahan dana atau lebihan aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high quality liquid assets,* HQLA*)* kepada entiti kewangan lain dalam kumpulan yang sama, termasuk bank induk konvensionalnya semasa situasi tekanan: *hajah* jenis 2.

[1] Pernyataan ini diterbitkan lanjutan daripada penerbitan Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah* (DD HD) dan memberikan lebih kejelasan kepada IKI dalam mematuhi DD HD dan memastikan pelaksanaan *hajah* yang efektif oleh IKI.

[2] Diterbitkan oleh BNM pada 3 Januari 2024.

1.1. Keputusan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh penerbitannya dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia dan terpakai ke atas IKI yang berikut:

(a) bank Islam berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
(b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
(c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

1.2. Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D(1) dan (2) AIKP, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

Bahagian II: Latar Belakang

2.1. Pemindahan dana IKI kepada IKK bukan suatu amalan biasa kerana operasi IKI perlu dipastikan mematuhi Syariah. Walau bagaimanapun, terdapat situasi yang memerlukan pemindahan dana IKI kepada IKK sama ada ketika situasi biasa atau ketika situasi tekanan[3]. Dalam situasi biasa, pemindahan dana mungkin diperlukan bagi memudahkan transaksi khusus atau transaksi berdasarkan pasaran (*market-based transactions*) apabila IKI tidak beroperasi dalam pasaran tersebut atau tiada penyelesaian yang boleh dilaksanakan untuk memenuhi keperluan tertentu. Contoh aktiviti yang boleh berlaku dalam keadaan biasa atau keadaan tekanan adalah seperti yang berikut:

- **Penggunaan akaun nostro konvensional**
  Keperluan untuk melaksanakan transaksi melalui akaun nostro konvensional adalah disebabkan oleh kekurangan akaun nostro patuh Syariah yang tersedia di negara lain, atau bagi mematuhi dasar pengurusan risiko dan kecekapan kumpulan. Transaksi yang dilakukan melalui akaun nostro secara umumnya adalah untuk memudahkan perdagangan antarabangsa dan transaksi pertukaran asing yang terdapat baki minimum

[3] Antara situasi tekanan lain termasuk:
a) Senario tekanan yang melibatkan keseluruhan sistem, meliputi peristiwa yang memberikan kesan ketara terhadap fungsi ekonomi benar dan sistem kewangan;
b) Senario tekanan idiosinkratik, melibatkan peristiwa yang bersifat khusus institusi dan secara langsung boleh menggugat perniagaan dan operasi entiti penting yang tertentu, perniagaan utama atau seluruh institusi perbankan; dan
c) Senario tekanan gabungan, melibatkan peristiwa tekanan terhadap keseluruhan sistem dan secara idiosinkratik yang berinteraksi dan berlaku serentak.

yang disimpan pada hujung hari. Selain itu, baki akaun nostro biasanya tidak memberikan pulangan atau hanya memberikan pulangan yang minimum.

2.2. Dalam konteks kumpulan kewangan, pemindahan dana daripada IKI kepada IKK mungkin wajar ketika situasi tekanan berikutan kepentingan untuk menguruskan risiko penularan dengan pantas. Hal ini juga selaras dengan peningkatan kepentingan IKI dalam kumpulan berikutan pertumbuhannya yang berterusan dan pantas berbanding dengan pertumbuhan kumpulan secara keseluruhan. Contoh transaksi yang boleh berlaku dalam situasi tekanan adalah seperti yang berikut:

- **Menguruskan risiko penularan daripada tekanan mudah tunai**
  Pengurusan risiko penularan yang timbul akibat situasi tekanan mudah tunai[4] yang dialami entiti kewangan lain dalam kumpulan, khususnya bank induk konvensionalnya, mungkin menyebabkan IKI perlu memindahkan dana atau lebihan HQLA kepada entiti kewangan lain dalam kumpulan bagi mengelakkan IKI turut terkesan.

2.3. MPS berpendapat bahawa terdapat keperluan menetapkan parameter yang perlu dipatuhi oleh IKI dalam menentukan keharusan pemindahan dana IKI kepada IKK, yang boleh digunakan mengikut keadaan kes.

Isu Syariah

2.4. Satu kajian khusus telah dijalankan dengan mengambil kira keperluan pemindahan dana IKI kepada IKK di samping memperakui larangan Syariah secara umum terhadap penglibatan dalam aktiviti yang dilarang. Antara persoalan Syariah yang perlu dijawab ialah:

i) apakah ciri-ciri atau skop saling membantu (*ta`awun*) yang tidak dibenarkan oleh Syariah?;
ii) apakah pertimbangan Syariah yang boleh menjadi asas untuk membenarkan pemindahan dana IKI kepada IKK dan syarat-syarat khusus yang perlu dipenuhi?; dan
iii) adakah terdapat pertimbangan Syariah lain berhubung dengan pemindahan dana IKI kepada IKK dalam kumpulan ketika berlakunya senario tekanan?

Bahagian III: Perbincangan Utama

Syarat utama yang diambil kira dalam penetapan parameter

3.1. Keharusan sesuatu transaksi dinilai dari sudut pematuhan Syariah dan tujuan sesuatu kontrak dimeterai. Secara umumnya, hukum sesuatu transaksi adalah dibenarkan selagi mana pihak-pihak berkontrak memenuhi kelayakan (*ahliyyah*) untuk bertransaksi dan transaksi tersebut menepati segala rukun dan syarat kontrak serta tidak melibatkan unsur yang dilarang oleh Syariah.

3.2. Memandangkan aktiviti utama sesebuah IKK jelas tidak mematuhi Syariah, sebarang pertimbangan untuk membenarkan pemindahan dana oleh IKI kepada IKK memerlukan bukan hanya kajian yang mendalam tetapi juga pertimbangan yang teliti terhadap implikasi jangka panjang kepada falsafah keseluruhan kewangan Islam.

3.3. Kajian ini amat penting memandangkan terdapat pelbagai kemungkinan situasi pemindahan dana yang melibatkan transaksi yang berbeza. Sekumpulan parameter dan syarat yang ditetapkan dengan terperinci akan memberikan kejelasan dan memastikan penilaian situasi-

[4] Merujuk satu peristiwa tekanan yang menghalang kemampuan entiti untuk memenuhi obligasi mudah tunai jangka pendek dan jangka panjang.

situasi ini dibuat secara konsisten. Pelbagai aspek perlu dipertimbangkan termasuk keperluan perniagaan serta pengurusan risiko semasa peristiwa tekanan.

3.4. Dua (2) syarat utama telah dikenal pasti dalam merumuskan parameter Syariah bagi pemindahan dana daripada IKI kepada IKK. Syarat-syarat tersebut adalah:
i) dana IKI mestilah digunakan untuk aktiviti yang mematuhi Syariah sahaja; dan
ii) pengecualian kepada larangan umum pemindahan dana daripada IKI kepada IKK mestilah berasaskan keperluan *hajah* dan *darurah*.

Syarat (1): Dana IKI mestilah digunakan untuk aktiviti yang mematuhi Syariah sahaja

3.5. Sesebuah IKI mestilah memastikan dana miliknya hanya digunakan untuk aktiviti yang mematuhi Syariah. Oleh itu, secara prinsipnya, sebarang bentuk pemindahan dana daripada IKI kepada IKK adalah tidak dibenarkan kerana IKK menjalankan perniagaan yang tidak mematuhi Syariah.

3.6. Walau bagaimanapun, pemindahan dana daripada IKI kepada IKK untuk tujuan aktiviti yang mematuhi Syariah adalah dibenarkan. Sebagai contoh, IKI dibenarkan untuk melanggan sukuk yang dikeluarkan oleh IKK kerana hasil dari sukuk tersebut digunakan untuk membiayai pelaburan dalam aktiviti yang mematuhi Syariah termasuk pelaburan dalam instrumen kewangan Islam.

3.7. Pemindahan dana daripada IKI kepada IKK dengan menyediakan modal (*paid-up ordinary shares*) sama ada dalam situasi biasa atau situasi tekanan tidak dibenarkan kerana hal ini akan menyebabkan penglibatan langsung IKI dalam aktiviti yang dilarang.

Syarat (2): Pengecualian kepada larangan umum pemindahan dana daripada IKI kepada IKK mestilah berdasarkan keperluan hajah dan darurah

3.8. Pengecualian berasaskan prinsip *hajah* boleh dipertimbangkan sebagai asas dalam membenarkan pemindahan dana IKI kepada IKK dalam situasi tertentu yang memudaratkan IKI. Dalam hal ini, pemindahan dana boleh dibenarkan jika bertujuan untuk membolehkan pelanggan IKI bertransaksi di pasaran yang tidak menyediakan infrastruktur patuh Syariah. Sebagai contoh, bagi membolehkan transaksi perdagangan antarabangsa dilaksanakan, penggunaan akaun nostro konvensional dibenarkan kerana ketiadaan atau ketersediaan akaun nostro patuh Syariah yang terhad di kebanyakan negara lain.

3.9. Pengecualian hukum secara sementara berasaskan prinsip *hajah* juga boleh dipertimbangkan sebagai asas untuk membenarkan pemindahan dana IKI kepada IKK dalam kumpulan, semasa situasi tekanan yang mungkin boleh memudaratkan keselamatan dan kestabilan institusi kewangan dalam kumpulan termasuk IKI itu sendiri.

3.10. IKI sebagai sebahagian daripada entiti dalam kumpulan dilihat boleh membantu ketika situasi tekanan dengan menyalurkan dana atau lebihan HQLA mereka kepada entiti kewangan lain dalam kumpulan, termasuklah bank induk konvensional. Bantuan yang diberikan ini penting bagi mengelakkan risiko penularan (*contagion risk*) kepada IKI jika senario tekanan dalam kumpulan tersebut menjadi semakin serius dan teruk yang memudaratkan kumpulan, termasuk IKI. Hal ini mengambil kira kebergantungan terhadap perkhidmatan perkongsian (*shared services*) yang penting, akses kepada infrastruktur pasaran kewangan, dan reputasi bank induk konvensional untuk mendapatkan pembiayaan dan menjalankan perniagaan perbankan.

Kesan kebenaran pemindahan dana ketika senario tekanan

3.11. Keputusan ini memberikan kejelasan kepada industri mengenai keharusan Syariah bagi pemindahan dana atau lebihan HQLA daripada sesebuah IKI kepada sesebuah IKK dalam kumpulan yang sama, termasuk bank induknya, terutamanya semasa tekanan mudah tunai, berdasarkan parameter *hajah* jenis 2. Oleh itu, keharusan Syariah ini membantu industri membuat penilaian tentang sekatan dan halangan pemindahan lebihan HQLA IKI untuk tujuan mengira Kadar Liputan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[5] pada peringkat gabungan kumpulan.

Bahagian IV: Asas Keputusan

Syarat (1): Dana IKI mestilah digunakan untuk aktiviti yang mematuhi Syariah sahaja

4.1. Secara umumnya, saling membantu dibenarkan kecuali dalam perkara yang dilarang oleh Syariah. Dalam hal ini, al-Qur'an melarang untuk saling membantu dalam perkara yang dilarang seperti seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Qur'an yang berikut:

وَلَا تَعَاوَنُوْا عَلَى الْاِثْمِ وَالْعُدْوَانِ[6]

"..dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran (ajaran Allah)."

4.2. Larangan untuk saling membantu dalam perkara dosa dikukuhkan lagi dengan hadis yang berikut yang melarang penglibatan seseorang dalam aktiviti berkaitan arak.

عن أنس بن مالك قال لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم في الخمر عشرة عاصرها ومعتصرها

وشاربها وحاملها والمحمولة إليه وساقيها وبائعها وآكل ثمنها والمشتري لها والمشتراة له

"Diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA yang berkata: Rasulullah SAW melaknat sepuluh orang yang berkaitan dengan arak. Yang memerah, yang meminta perah, yang minum, yang membawa, yang dibawa kepadanya, yang menuangkan arak, yang menjual, yang memakan hasil jualan arak, yang membeli dan yang dibeli untuknya." (Sunan Tirmizi:1295)

Hadis tersebut menandakan bahawa sebarang bentuk penglibatan yang boleh menyebabkan aktiviti yang dilarang adalah dilaknat dan tidak dibenarkan oleh Syariah.

[5] LCR merupakan keperluan kuantitatif yang bertujuan untuk memastikan bahawa sesebuah institusi perbankan memegang HQLA yang mencukupi untuk menangani senario tekanan mudah tunai yang akut dalam tempoh 30 hari. Keperluan ini terpakai kepada peringkat entiti dan gabungan. Institusi kewangan hendaklah merujuk kepada perenggan 12 Dokumen Dasar Liquidity Coverage Ratio untuk keperluan terperinci mengenai sekatan dan kebolehan untuk memindahkan aset.

[6] Surah al-Maidah, ayat 2.

Syarat (2): Pengecualian kepada larangan umum pemindahan dana dari IKI kepada IKK mestilah berdasarkan keperluan hajah dan darurah

4.3. Pengecualian hukum asal berdasarkan prinsip *hajah* boleh dianggap sebagai asas dalam membenarkan pemindahan dana kepada IKK untuk menangani kesukaran. Ayat al-Quran dan hadis yang berikut menunjukkan kebenaran umum bagi penggunaan *hajah:*

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ[7]

"Allah menghendaki kemudahan bagimu, bukan kesukaran."

عن أنس رضي الله عنه قال: رخص رسول الله ﷺ للزبير وعبد الرحمن بن عوف رضي الله عنهما في لبس الحرير لحكة بهما. رواه البخاري ومسلم.

Diriwayatkan daripada Anas RA berkata: Rasulullah SAW membenarkan Zubair dan `Abd al-Rahman bin `Auf RA untuk memakai sutera kerana mereka mengalami gatal-gatal.

4.4. Kaedah *fiqh* yang berikut menyediakan asas kepada kebenaran umum untuk penggunaan *hajah* dan *darurah*:

المشقة تجلب التيسير[8]

"*Kesukaran membawa kemudahan*"

الضرر يزال[9]

"Kemudaratan hendaklah dihilangkan"

إذا ضاق الأمر اتسع وإذا اتسع ضاق[10]

"Apabila sesuatu perkara dihadkan/dikekang (oleh kesusahan), kemudahan (rukhsah) diberikan. Apabila kesusahan itu tidak lagi wujud, maka hal itu kembali kepada ketetapan asal."

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

5.1. Keputusan MPS memberi kejelasan dan kepastian berhubung parameter yang perlu dipatuhi bagi transaksi yang melibatkan pemindahan dana IKI kepada IKK. Di samping itu, parameter ini dapat memupuk pelaksanaan yang seragam seterusnya layanan yang saksama kepada

[7] Surah al-Baqarah, ayat 185.
[8] Al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir,* Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1983, hlm. 76.
[9] Ibid, hlm. 83.
[10] Muhammad Mustafa al-Zuhaily, *al-Qawaid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-Arba`ah, Dar al-Fikr,* 2006, j. 2, hlm. 272.

semua IKI. Elemen *hajah* yang dimasukkan dalam parameter dapat memberikan kelonggaran yang sewajarnya kepada IKI yang mempunyai keperluan tertentu ketika situasi tekanan.

5.2. Keputusan ini merupakan pelengkap kepada keputusan MPS mengenai Pembiayaan kepada Pihak yang Secara Langsung Melakukan Aktiviti yang Tidak Mematuhi Syariah.[11]

5.3. Penerbitan keputusan ini membatalkan '*Circular on Prohibition on Specific/Restricted and Loss Bearing Fund Placement from Islamic Banks to Parent Banking Institutions'* yang diterbitkan pada 13 Januari 2010.

[11] Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua), Bank Negara Malaysia, 2010, hlm. 199 – 200.